

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HGF 322 - Geomorfologi

Tarikh: 30 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan. **SATU(1)** soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C. Soalan empat boleh dipilih daripada mana-mana Bahagian.

BAHAGIAN A

1. Mengapakah ahli-ahli geomorfologi perlu mengkaji kedua-dua iklim purba dan sekarang untuk menghuraikan pembentukan bentuk-bentuk bumi yang wujud?
2. Bincangkan pengaruh konsep-konsep 'Katastrofisme' dan 'Keseragaman' di dalam sejarah perkembangan bidang Geomorfologi.
3. Huraikan secara ringkas beberapa pendekatan baru kepada geomorfologi dan bincangkan bagaimana beberapa perkembangan moden telah mempengaruhinya.

BAHAGIAN B

4. Bagaimanakah teori Hanyutan Benua dan Plat Tektonik dapat dikaitkan dengan perkembangan bentuk-bentuk muka bumi pada masakini?
5. Pengunduran tebing tinggi adalah satu fenomena yang terdapat pada pinggir laut. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan pengunduran tersebut.

.../2

6. (a) Huraikan ciri-ciri batuan berikut dengan berpandukan kepada proses pembentukan, struktur dan kandungan bahan-bahan di dalamnya:
- i. Batuan Mendak,
 - ii. Batuan Igneus,
 - iii. Batuan Jelmaan.
- (b) Bagaimanakah sifat-sifat muka bumi dan saluran mencerminkan ciri-ciri batuan tersebut?

BAHAGIAN C

7. (a) Bincangkan secara terperinci proses-proses luluhawa mekanika yang bertindak di dalam kawasan-kawasan iklim berikut:
- i. Kawasan Gurun Tropika;
 - ii. Kawasan Tropika Lembab; dan
 - iii. Kawasan Artik.
- (b) Huraikan bagaimana setiap proses luluhawa mekanika tersebut dapat mempengaruhi pembentukan bentuk-bentuk muka bumi di dalam setiap kawasan ini.
8. 'W.M. Davis dan W. Penck merupakan dua orang ahli geomorfologi yang telah menyarankan teori-teori evolusi cerun yang bertentangan'. Bincangkan.
9. Dengan merujuk kepada Malaysia, senaraikan dan huraikan beberapa proses gerakan jisim yang berlaku dan kaitkan proses-proses tersebut dengan pembentukan pandangan darat fizikal.

-ooo000ooo0